

*Mata Anda – Tingkap Anda ke Dunia*

## LINDUNGI MATA ANDA

### Bagaimana glaukoma dikesan?

Tiada satu ujian yang spesifik untuk mengesan glaukoma. Diagnosis dan rawatan glaukoma adalah berdasarkan banyak ujian siasatan dan penemuan yang berbeza. Diagnosis dibuat berdasarkan:

1. Tekanan mata (IOP)
2. Pemeriksaan terperinci saraf optik
3. Medan penglihatan
4. Gonioskopi (visualisasi struktur sudut)
5. Peralatan pengimejan

### Bagaimana glaukoma dirawat?

Glaukoma tidak dapat disembuhkan tetapi dalam kebanyakan kes, dapat dikawal dengan baik. Rawatan bergantung kepada banyak faktor seperti tahap penyakit, jenis glaukoma dan status kesihatan pesakit. Antara kaedah rawatan adalah seperti:

- Ubatan titis mata
- Ubatan oral (sekiranya IOP tidak dapat dikawal dengan ubat titis mata)
- Prosedur laser
- Pembedahan Glaukoma
  - o Trabekulektomi
  - o Peranti saluran glaukoma / MIGS
- Pembedahan katarak

Glaukoma adalah penyakit kronik yang memerlukan rawatan dan lawatan susulan sepanjang hayat. Tujuan rawatan adalah untuk mengekalkan penglihatan yang sedia ada selama mungkin supaya dapat mengekalkan kualiti hidup yang baik. Kerosakan pada saraf optik tidak dapat dikembalikan, oleh itu pentingnya pengesanan dan rawatan awal.

NORMAL

GLAUKOMA



Simulasi penglihatan dengan glaukoma.

# Glaukoma

## Hubungi Kami

### OasisEye Specialists

☎ 1800 18 7676

🌐 oasiseye.my

🌐 linktr.ee/oasiseye






## Apa Itu Glaukoma?

Glaukoma adalah penyakit saraf optik yang menghubungkan mata dengan otak. Glaukoma biasanya tiada simptom, dan kebanyakan individu hilang penglihatan tanpa menyedarinya. Biasanya, medan penglihatan hilang dari sisi dan lama-kelamaan penglihatan pusat juga hilang. Kerana sifatnya yang berbahaya, glaukoma dikenal sebagai **"Pencuri Penglihatan Senyap"**.

Glaukoma biasa dikesan melalui pemeriksaan saraf mata dan perubahan medan penglihatan. Kebanyakan kes glaukoma dikesan melalui kenaikan tekanan mata (IOP). Saraf mata individu akan rosak apabila tahap IOP terlalu tinggi. Tahap IOP boleh berbeza dari satu mata ke mata yang lain, sesetengah mata mungkin mengalami kerosakan pada tahap IOP yang agak rendah sedangkan mata yang lain mungkin tidak mengalami kerosakan pada tahap IOP yang lebih tinggi.



Gambaran bagaimana glaukoma merosakkan saraf optik

## Apakah faktor risiko glaukoma?



Usia Tua



Sejarah Keluarga



Etnik - Orang Asia




Kencing Manis



Tekanan Mata Tinggi



Darah tinggi



Rabun jauh bagi glaukoma sudut terbuka



Kornea Nipis



Rabun dekat bagi glaukoma sudut tertutup

Disebabkan banyak faktor risiko seperti usia dan faktor genetik tidak dapat dicegah, ia penting mendapatkan pemeriksaan mata secara berkala untuk diagnosis dan rawatan awal.



## Apakah jenis-jenis glaukoma?


Glaukoma boleh dibahagikan kepada dua iaitu glaukoma sudut terbuka atau tertutup, berdasarkan anatomi sistem saliran di dalam mata. Ini boleh dibahagikan kepada pelbagai jenis glaukoma. Pemeriksaan menggunakan lensa khas yang dipanggil gonioskop diperlukan untuk melihat sudut dalam mata. Sekiranya sudut didapati sempit atau tertutup, saluran aliran alternatif perlu dibentuk dengan rawatan laser.

### Sudut Terbuka

Jenis yang paling biasa di seluruh dunia. Pesakit tiada simptom disebabkan kenaikan IOP yang perlahan dan tidak sakit.

### Sudut Tertutup

Mata tiba-tiba menjadi merah, sakit, dan penglihatan kabur, disebabkan kenaikan IOP yang drastik. Pesakit mungkin sakit kepala dan mual / muntah. Ini adalah kecemasan mata kerana boleh menyebabkan kehilangan penglihatan sekiranya tidak dirawat segera. Penutupan sudut kronik boleh berkelakuan seperti sudut terbuka tanpa gejala.



Perbezaan anatomi dan fisiologi antara sudut terbuka (A) dan sempit / tertutup (B)

### Glaukoma Kongenital

Berlaku semasa lahir dan boleh menyebabkan kebutaan kekal sekiranya tidak dikesan dan dirawat segera. Jika mata bayi kelihatan besar / lebih besar (*buphthalmos*), kornea kabur, mata berair dan fotofobia (sensitif terhadap cahaya), ibubapa perlu segera mendapatkan nasihat pakar mata.

### Glaukoma Sekunder

Boleh menyebabkan glaukoma sudut terbuka atau tertutup. Antara sebabnya:

- penggunaan ubatan steroid
- kencing manis yang tidak terkawal
- radang mata (uveitis)
- sejarah pembedahan mata
- kecederaan mata
- katarak pada peringkat lanjutan.